

Eksplorasi Fotografi Shutterbuster Serlah Kreativiti



Pulau Pinang, 31 Mei – Kumpulan Seni Fotografi Shutterbuster dari Sekretariat Kebudayaan & Kesenian Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan program Eksplorasi Fotografi melibatkan penyertaan seramai 37 orang mahasiswa universiti. Program berjaya melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja mahir dalam bidang akademik malah turut mempunyai kepelbagaian kemahiran sebagai persiapan menghadapi dunia luar yang lebih mencabar.

Pengarah program, Izzat Khairi Muhammad Kamil berkata, pihaknya memilih lokasi Pulau Pinang kerana terdapat banyak tempat yang sesuai untuk sesi pembelajaran lanskap seperti di Bukit Bendera dan Batu Feringgi manakala di Georgetown pula, amat terkenal dengan budaya hasil seni mural yang kreatif atau disebut 'street arts' yang memanfaatkan karya seni di segenap ruang di sekitar bangunan atau lorong kecil serta beberapa bangunan lama yang mempunyai nilai seni bina yang tinggi.

"Program ini memupuk semangat kerjasama antara peserta serta menyuburkan rasa kagum ketika meneroka sebahagian lokasi di Pulau Pinang. Peserta dapat bertukar-tukar pendapat, idea dan teknik sesama ahli dalam menghasilkan karya gambar yang berkualiti dengan menggunakan konfigurasi berdasarkan elemen-elemen kamera yang digunakan," katanya.



Sementara bagi Ketua Kumpulan ShutterBuster UMP Pekan, Nurul Amira Syafiqah Shamsuddin yang kini merupakan pelajar tahun 2 dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) berkata, selain meningkatkan keyakinan peserta berinteraksi dengan masyarakat luar khususnya, mahasiswa didedahkan dengan situasi dan suasana sebenar kehidupan sebagai jurufoto. Walaupun sekadar hobi, namun bidang ini mendapat permintaan yang tinggi dan mampu menjana pendapatan sampingan yang lumayan pada masa kini.

Begitu juga dengan pelajar dwi-ijazah yang menyertai program, Azhar Mohd Jusuh berkata, eksplorasi kali ini banyak memberikan beliau informasi buka sahaja dalam bidang fotografi malah dari segi videografi dan 'editing'. Katanya, waktu perjalanan program yang fleksibel sepanjang program memberikannya cukup ruang untuk menimba ilmu bersama rakan-rakan yang lebih hebat seperti Azree Azizi dan Izzat Khairi.



Pelajar tahun 3, Sarjana Kejuruteraan Automotif, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP dengan kerjasama Hochschule Karlsruhe, Germany (HsKA) berkata, pengalamannya berinteraksi menggunakan bahasa Jerman dengan pelancong dari negara Jerman memudahkan sesi bergambar.

Hasil fotografi peserta ini akan dipertandingkan dan dipamerkan dalam program-program Sekretariat Kebudayaan & Kesenian UMP. Pihak ShutterBuster turut berhasrat untuk meneruskan program ini pada tahun hadapan di tempat yang lebih menarik serta berkongsi hasil kreativiti dengan warga UMP yang lain.

Berita disediakan oleh Noor Afiza Mohd Asmi dari Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 09-06-2016, 14:06:11